

# Kebolehpasaran Siswazah

Aktiviti	: <i>Job Camp UniMAP dan Industri</i>
Objektif Strategik	: Untuk memastikan peratusan graduan yang tinggi memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian bagi menyumbang kepada pembangunan negara
KPI	: Peratusan graduan memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian
IPTA	: Universiti Malaysia Perlis

## Latar Belakang Aktiviti

Program *Job Camp* ini merupakan satu program yang menempatkan graduan UniMAP di industri selama 4-6 bulan bagi tujuan latihan dan pendedahan awal sebelum ditawarkan jawatan sebagai kakitangan tetap di industri tersebut. Program ini adalah bertujuan untuk membuka peluang dan membantu siswazah UniMAP mendapat pekerjaan yang baik di industri-industri terkemuka dan multinasional. Program ini juga mampu membantu memenuhi kehendak industri bagi mengisi kekosongan yang diperlukan. Selain itu program ini dapat memberi ruang kepada industri menilai graduan tersebut sepanjang latihan yang telah dijalankan sebelum diterima sebagai kakitangan tetap.

## Perancangan Aktiviti

Program yang dijalankan berdasarkan kerjasama dengan industri bagi mengisi kekosongan yang terdapat di industri. Walau bagaimanapun, program ini hanya dapat dilaksanakan dengan baik setelah mendapat kelulusan peruntukan daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Berikut adalah perancangan program :

1. Mengadakan perbincangan dengan pelbagai industri untuk mendapatkan persetujuan dan sokongan mereka;
2. Menghasilkan kertas kerja bagi permohonan peruntukan bersama pihak industri serta mendapat kelulusan dan kerjasama daripada universiti;
3. Membuat pembentangan di Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk mendapatkan kelulusan;
4. Mendapat kelulusan peruntukan daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia;
5. Mengumumkan, mempromosi dan menyelaras program yang telah dirancang; dan
6. Sesi pemilihan peserta dan perlaksanaan program.

## Pelaksanaan Aktiviti

Program *Job Camp* UniMAP dan Industri 2010 dibahagikan kepada 2 bahagian :

1. Sektor Elektrik & Elektronik  
Silterra (M) Sdn Bhd , Infineon Technologies (Kulim) Sdn Bhd, Multitape Technologies (M) Sdn Bhd (*SMARTRAC Group of Companies*)
2. Sektor Automotif (Digital Engineering & Prototyping)  
Malaysia Automotive Institute (MAI) – ( Perodua manufacturing Sdn Bhd, Sapura industrial Berhad, Sipro Plastic Industries Sdn Bhd, Ingress Technologies Sdn Bhd ) & Might-Meteor Advanced Manufacturing Sdn Bhd (Permintex Sanko Technologies Sdn Bhd).

Program ini berjalan berperingkat-peringkat bermula September 2010. Program ini dijalankan selama 4 - 6 bulan di industri dan melibatkan seramai 71 orang graduan. Graduan dibayar elaun antara RM 1000 – RM 1500 sebulan sebagai elaun sara diri sepanjang program berjalan. Selain daripada itu pihak industri turut menyumbang elaun kepada graduan antara RM 200 - RM 500 sebulan dan membantu menyumbang bagi kos-kos latihan yang diperlukan.

Pihak industri akan mengadakan sesi temu duga, bagi memilih peserta bagi ditempatkan di bahagian yang sesuai. Setelah program ini selesai dilaksanakan, pihak industri akan membuat keputusan sama ada menawarkan jawatan tetap kepada peserta program atau menamatkan sahaja latihan tersebut. Keputusan dilakukan berdasarkan prestasi peserta-peserta sepanjang program dijalankan. Jika pihak industri hanya menamatkan sahaja program tersebut, maka pihak industri telah disarankan supaya mengeluarkan atau mengesahkan sijil penyertaan graduan tersebut bagi menunjukkan bahawa graduan tersebut telah selesai menjalani program ini.

## Pencapaian

Berdasarkan perbincangan bersama pihak industri, peratus kejayaan program ini adalah amat tinggi kerana graduan-graduan telah bekerja selama 4-6 bulan di industri diikuti latihan-latihan yang diperlukan oleh pihak industri. Berikut adalah pencapaian *Job Camp UniMAP – Industri* 2010 setakat ini:

1. Silterra (M) Sdn Bhd: Program ini telah sertai seramai 11 orang peserta telah menyertai program ini. 10 peserta telah ditawarkan jawatan tetap dan seorang peserta masih menjalani latihan disebabkan kelewatan penyertaan.
2. Infineon Technologies (Kulim) Sdn Bhd: Seramai 20 orang peserta telah menyertai program ini. 3 peserta telah ditawarkan jawatan di Industri-industri lain semasa latihan dijalankan berdasarkan bidang latihan yang mereka telah ikuti. Bakinya bakal menamatkan latihan pada Mac 2011 ini.
3. Multitape Technologies (M) Sdn Bhd: Seramai 10 orang graduan telah menyertai program ini. Pihak industri memberi maklumat balas yang sangat positif terhadap peserta-peserta program. Program ini akan selesai dijalankan pada Mei 2011.
4. Malaysia Automotive Institute (MAI): Program *Digital Engineering & Prototyping* (DEP) ini merupakan program yang melibatkan industri automotif negara iaitu Perodua dan vendor – vendor iaitu Sapura Industrial Berhad, Sipro Plastic Industries Sdn Bhd dan Ingress Technologies Sdn Bhd. Seramai 20 peserta telah menyertai program ini dan bakal berakhir pada April 2011. Peserta telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan berdasarkan maklum balas daripada pihak industri.
5. Might Meteor Advanced Manufacturing Sdn Bhd (Permintex Sanko Technologies Sdn Bhd: Seramai 10 peserta telah menyertai program ini. Program ini dijalankan selama 4 bulan iaitu bermula pada Feb 2011 dan berakhir pada Mei 2011.

## Dasar/Garis Panduan Yang Menyokong Pelaksanaan

Program *Job Camp UniMAP* 2010 menekankan bidang-bidang yang berkaitan industri semikonduktor, RFID (*Radio Frequency Identification*) dan bidang automotif. Ketiga-tiga bidang ini dilaksanakan selaras dengan dasar-dasar kerajaan dalam RMKe-10.

## Isu-Isu Pelaksanaan

Graduan menarik diri dari program disebabkan mendapat tawaran pekerjaan, menyukarkan pihak UniMAP untuk mencari pengganti dalam jangka masa yang singkat.

## **Penambahbaikan**

1. Dana-dana daripada industri yang menyumbang dalam program ini dapat ditingkatkan sekiranya insentif baru dapat diperkenalkan oleh Kerajaan;
2. Meningkatkan bilangan peserta dan bilangan industri-industri yang terlibat; dan
3. Mengembangkan program ke industri kecil dan sederhana bagi membantu penyediaan tenaga kerja yang berkualiti bagi industri ini.

## **Pegawai Bertanggungjawab**

Pengarah,  
Pusat Kerjasama Industri.